



UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA

The National University of Malaysia

Prof. Dato' Noor Aziah Mohd Awal
Timbalan Naib Canselor (Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

Rujukan: UKM JCN/224/3

Tarikh : 26 Ogos 2016

SEMUA PELAJAR
Universiti Kebangsaan Malaysia

Saudara/i,

**LARANGAN PENGLIBATAN PELAJAR DALAM PERHIMPUNAN HARAM ATAU GERAKAN
YANG BOLEH MENGANCAM KETENTERAMAN AWAM DAN KESELAMATAN NEGARA**

Dengan segala hormatnya saya menarik perhatian semua kepada perkara yang tersebut di atas.

2. Menurut S15(3) Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 (Pindaan 2012) menyatakan: 'Seseorang pelajar universiti dan mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar Universiti yang ditubuhkan oleh, di bawah atau mengikut Perlembagaan, tidak boleh menyatakan atau melakukan apa-apa jua yang boleh semusabahnya ditafsirkan sebagai menyatakan sokongan kepada atau simpati dengan atau bantahan terhadap:

- a) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang menyalahi Undang-undang, sama ada di dalam atau di luar Malaysia: atau
- b) mana-mana persatuan, pertubuhan, badan atau kumpulan orang yang ditetapkan oleh Lembaga sebagai tidak sesuai demi kepentingan dan kesentosaan pelajar atau Universiti itu.

3. Kaedah 3(a), (b) dan Kaedah 13, Kaedah-Kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 1999 menyatakan seperti berikut:

3. Seseorang pelajar tidak boleh –

- a) menjalankan urusannya, samada di dalam Kampus atau di luar Kampus, dalam apa-apa cara yang merosakkan atau memudaratkan:
 - i. kepentingan, kesejahteraan atau nama baik Universiti, mana-mana pelajar, kakitangan, pegawai atau pekerja Universiti; ATAU
 - ii. ketenteraman atau keselamatan awam, moral, kesopanan atau tatatertib
- b) mencabuli apa-apa peruntukan mana-mana undang-undang bertulis, sama ada di dalam Kampus atau di luar Kampus;

13(1). Tiada pelajar, pertubuhan, badan atau kumpulan pelajar, boleh menganjurkan, menjalankan atau menyertai apa-apa kegiatan di luar Kampus yang

Pejabat Naib Canselor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia
Telefon: +603-8921 5094 Faksimili: +603-8921 4062 E-mel: tncheпа@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my>

mendatangkan kesan buruk secara langsung kepada Universiti atau yang memudaratkan kepentingan Universiti;

4. Berdasarkan peraturan yang menyatakan di atas, pelajar adalah diingatkan agar tidak melibatkan diri dalam mana-mana perhimpunan atau apa-apa gerakan yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan Negara.

5. Mana-mana pelajar yang didapati terlibat di dalam perhimpunan haram atau apa-apa gerakan yang boleh mengancam ketenteraman awam dan keselamatan Negara boleh dikenakan tindakan di bawah Kaedah-kaedah Universiti Kebangsaan Malaysia (Tatatertib Pelajar) 1999.

Sekian dimaklumkan.

Yang benar



PROF. DATO' NOOR AZIAH MOHD AWAL

Timbalan Naib Canselor

(Hal-ehwal Pelajar dan Alumni)

- s.k. - Naib Canselor
- Timbalan-timbalan Naib Canselor
- Pengarah Eksekutif Pentadbiran
- Dekan/Pengarah Fakulti/Institut/Pusat
- Pengetua Kolej Kediaman
- Pemangku Pengarah Keselamatan Universiti
- YDP Badan-badan Pelajar